

*Artikel*

**“Bantulah Kami untuk Rasa Selamat”:** Cabaran Mahasiswa OKU di Universiti Awam  
(*“Help Us to Feel Safe”:* Challenges of Disabled Students at Public University)

Nurul Izzah Mohd Khir & Siti Marziah Zakaria\*

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [marziah@ukm.edu.my](mailto:marziah@ukm.edu.my)

**Abstrak:** Tidak dapat dinafikan, kehidupan individu OKU yang menggalas tanggungjawab sebagai pelajar mempunyai banyak cabaran berbanding dengan pelajar normal yang lain. Ramai pelajar OKU tidak meneruskan pendidikan di tahap yang lebih tinggi disebabkan faktor halangan persekitaran di mana kurang fasiliti yang kondusif untuk memudahkan pergerakan mereka dan sikap negatif yang ditunjukkan oleh orang sekeliling. Kajian kualitatif ini menggunakan teknik temu bual mendalam ke atas tujuh (7) orang responden bagi meneroka cabaran mereka sebagai mahasiswa OKU dalam mencapai kesejahteraan di kampus. Temu bual dijalankan dengan menggunakan pendekatan fenomenologi bagi memahami pengalaman hidup responden. Responden yang ditemubual dipilih berdasarkan kriteria-kriteria khusus yang telah ditetapkan iaitu mahasiswa universiti awam, memiliki kurang upaya fizikal atau penglihatan, berumur 18-40 tahun dan merupakan pemegang aktif kad Orang Kurang Upaya (OKU) berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Data dirakam sebelum dipindahkan ke dalam bentuk teks secara verbatim. Data yang diperolehi semasa proses temu bual dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga (3) tema utama cabaran mahasiswa OKU dalam mencapai kesejahteraan iaitu: persekitaran tidak mesra OKU, masalah kesihatan dan kurang sokongan sosial. Tema ini telah disahkan secara semakan pakar (peer review) dalam bidang kualitatif. Cabaran-cabaran ini telah menjadi penghalang bagi mereka untuk mencapai kesejahteraan semasa berada di alam kampus. Mahasiswa OKU mengakui mempunyai pelbagai keterbatasan namun mereka berjuang untuk menyempurnakan pengajian mereka sebaik mungkin. Pihak pengurusan dan pentadbir perlu lebih prihatin kepada isu-isu yang dihadapi oleh mahasiswa OKU dan memastikan Dasar Inklusif OKU dipraktikkan di semua peringkat.

**Kata kunci:** mahasiswa, OKU, cabaran, kesejahteraan

**Abstract:** Undeniably, the life of a disabled individual who bears the responsibility of being a student has many challenges compared to other normal students. Many disabled students do not continue their education at a higher level due to environmental barriers where there are less conducive facilities to facilitate their movement and the negative attitude shown by people around them. This study is qualitative in nature by using in-depth interview techniques on seven (7) respondents to explore their challenges as disabled students in achieving subjective well-being on campus. Interviews were conducted using a phenomenological approach to understand the life experiences of the respondents. Respondents who were interviewed were selected based on specific criteria that have been set, namely public university students, have physical or visual disabilities, aged 18-40 years and are active holders of the Disabled Persons (OKU) card registered under the Department of Social Welfare (JKM). Data were recorded before being transferred into text form verbatim. The data obtained during the interview process was analyzed using thematic analysis. The results of the study found that there are three (3) main themes of challenges for disabled students in achieving well-being, namely: unfriendly environment to disabled people, health problems and lack of social support. This theme has been verified by expert review (peer review) in the qualitative field. These challenges have become

an obstacle for them to achieve well-being while on campus. Disabled students admit to having various limitations but they struggle to complete their studies as best as possible. The management and administrators need to be more attentive to the issues faced by OKU students and ensure that the Inclusive Policy for OKU is put into practice at all levels.

**Keywords:** university students, OKU, challenges, well being

---

## Pengenalan

Dasar Inklusif OKU telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2018 bagi memperkasakan sistem sokongan pendidikan dalam memberi kemudahan dan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif kepada kumpulan pelajar OKU. Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pendidikan Tinggi memberi peluang kepada pelajar-pelajar OKU yang layak menyambung pelajaran di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) awam mahupun swasta dengan menyediakan kemudahan secara berterusan. Dasar Inklusif OKU ini dijadikan garis panduan bagi IPTA dan IPTS dalam menyediakan infrastruktur yang bersifat mesra OKU yang juga selaras dengan sistem pendidikan inklusif antarabangsa yang sudah dilaksanakan di IPT negara lain. Ini menunjukkan bahawa golongan kurang upaya di Malaysia sama sekali tidak dinafikan hak mereka terutamanya dalam sistem pendidikan yang dijalankan di Malaysia.

Dalam konteks Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (2021) telah mengkategorikan kurang upaya fizikal adalah terdiri dari "*Limb Defect*" iaitu keadaan kehilangan separa atau penuh bahagian anggota badan (tangan, kaki, jari kaki & kaki), "*Spinal Cord Injury*", strok, kerdil, "*Traumatic Brain Injury*", "*Cerebral Palsy*" dan lain-lain jenis kurang upaya fizikal yang disebabkan oleh penyakit kronik. Individu kurang upaya penglihatan pula adalah terdiri dari individu yang terhad penglihatan kedua-dua belah mata, buta bagi kedua-dua belah mata dan buta sebelah mata.

Secara global, terdapat lebih dari 1 bilion individu ataupun 15% dari populasi dunia yang kurang upaya berdasarkan data *World Report on Disability* dari *World Health Organization* (2011). Merujuk kepada Laporan Statistik Kebajikan Masyarakat (2021) pula, terdapat 592,854 individu yang kurang upaya dari pelbagai kategori yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Menurut Akta Orang Kurang Upaya (AOKU) 2008, OKU merupakan individu yang mempunyai kekurangan dari segi mental, fizikal, intelektual atau deria yang mempunyai halangan apabila berkomunikasi dan boleh menyekat penglibatan penuh mereka dalam masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021). Ketidakupayaan fizikal dan ketidakupayaan penglihatan juga merupakan salah satu dari tujuh kategori golongan OKU menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat di Malaysia. Tujuh kategori itu ialah kurang upaya pendengaran, kurang upaya penglihatan, kurang upaya pertuturan, kurang upaya fizikal, kurang upaya pembelajaran, kurang upaya mental dan kurang upaya pelbagai. Menurut *World Health Organization* (2014) pula, kurang upaya dikategorikan kepada enam (6) kategori iaitu kurang upaya fizikal-motor, mental, visual dan pendengaran, pertuturan dan psikiatri.

Golongan orang kurang upaya seperti yang diketahui umum ialah golongan yang mempunyai kekurangan sama ada dari aspek fizikal, penglihatan, pendengaran mahupun pembelajaran yang memberi impak kepada keterbatasan aktiviti seharian dan kesejahteraan emosi individu. Dari aspek pelajar yang mempunyai kurang upaya juga, ia memberi impak kepada peranan mereka sebagai seorang mahasiswa untuk menyempurnakan tanggungjawab dalam aktiviti pembelajaran dan aktiviti sosial di alam kampus disebabkan limitasi yang dimiliki. Kajian melaporkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh individu OKU di universiti yang memberi impak positif dan negatif (Clouder et al., 2016). Terdapat cabaran yang menjadikan individu lebih berusaha untuk menanggunginya dan meningkatkan prestasi diri. Walaubagaimanapun terdapat cabaran yang menyebabkan individu semakin berasa kurangnya nilai diri. Cabaran menjadi medium untuk mereka membentuk identiti diri, tetapi ia adalah bergantung kepada penerimaan individu terhadap ketidakupayaan yang dimiliki di dalam kehidupan realiti mereka (Ule, 2017).

Tidak dapat dinafikan, kehidupan individu OKU yang menggalas tanggungjawab sebagai pelajar mempunyai banyak cabaran berbanding dengan pelajar normal yang lain. Sorotan kajian lepas mendapati

antara cabaran yang diterima oleh individu OKU adalah fasiliti yang tidak kondusif, sikap masyarakat, kesediaan diri dan bahan mengajar yang tidak bersesuaian (Aizan Sofia et al., 2018; Muhamad Nadhir Abdul & Alfa Aini Erman, 2016). Menurut Aizan Sofia et al. (2018), ramai pelajar OKU tidak meneruskan pendidikan di tahap yang lebih tinggi disebabkan faktor halangan persekitaran di mana kurang fasiliti yang kondusif untuk memudahkan pergerakan mereka dan sikap negatif yang ditunjukkan oleh orang sekeliling yang memandang rendah kebolehan yang dimiliki. Menurut Muhamad Nadhir Abdul dan Alfa Aini Erman (2016), cabaran yang dihadapi kini oleh kanak-kanak OKU adalah cabaran infrastruktur bangunan di institusi mereka, kesediaan individu dalam menerima layanan daripada orang sekeliling dan cabaran kekurangan bahan pembelajaran khas yang digunakan dalam sesi pembelajaran oleh tenaga pengajar. Ini memberi impak kepada pelajar dalam usaha mereka mendapat pendidikan yang sewajarnya daripada sesebuah institusi pendidikan.

Limitasi diri yang dimiliki individu OKU penglihatan dan fizikal memberi cabaran kepada kehidupan dan proses pembelajaran mereka. Beberapa kajian lepas mendapati cabaran yang dihadapi oleh mereka termasuklah cabaran dari aspek sikap rakan sebaya yang negatif (Firat, 2021), penerimaan dan stigma masyarakat terhadap keadaan diri mereka (Tshuma, Ntombela & Mabvurira, 2021; Lourens & Swartz, 2016), layanan berbeza oleh orang sekeliling (Grimes et al., 2019), keperluan pembelajaran khas yang diperlukan tidak mencukupi (Lopez-Gavira, Moraña & Morgado, 2021), disisihkan oleh rakan dan keluarga kerana faktor ketidakupayaan (Francis et al., 2019), sikap tenaga pengajar yang meremehkan kebolehan pelajar OKU (Haegele & Zhu, 2017), kurang pengetahuan dan latihan berkaitan keperluan pelajar OKU (Moriña, Cortés-Vega & Molina, 2015) dan cabaran kecacatan yang dimiliki oleh pelajar (Strnadová, Hájková & Kvétoňová, 2015).

Menurut UNICEF (2021), hampir 240 juta kanak-kanak yang kurang upaya diabaikan hak mereka dari segi penjagaan, sokongan pembelajaran dan kehidupan sosial. Sebanyak 51% daripada mereka merasakan tidak gembira dan 41% merasakan diskriminasi yang diterima. Kanak-kanak yang masih kecil sudah merasakan seperti itu walaupun mereka hidup di dalam kelompok yang kecil, inikan pula golongan OKU dewasa yang menjalani kehidupan sosial yang lebih besar. Namun begitu, kajian yang dijalankan di dalam negara masih kelihatan kurang dalam meneroka cabaran yang dihadapi pelajar OKU dalam konteks pengajian tinggi. Masih terdapat banyak ruang lagi untuk menambah baik sistem sokongan kepada pelajar OKU ketika negara sedang berusaha ke arah negara mesra OKU. Justeru, kajian ini akan meneroka dengan lebih lanjut cabaran yang dihadapi oleh mahasiswa OKU di universiti awam untuk mencapai kesejahteraan semasa di kampus. Hasil kajian akan membantu pihak pengurusan dalam merangka strategi dan program yang boleh membantu meningkatkan lagi tahap kesejahteraan pelajar.

## Metodologi

### 1. Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah temu bual untuk mengumpul dan menganalisis data bagi memahami konsep, pandangan dan pengalaman OKU dewasa awal dalam mencapai kesejahteraan hidup. Penyelidikan kualitatif berguna untuk memberikan penjelasan mengenai sesuatu perkara secara kompleks, menyoroti peristiwa yang dialami oleh individu dan mengumpulkan data dari pengalaman yang berkaitan (Thomas, 2017). Kajian ini menggunakan pendekatan fenomenologi bagi menjawab persoalan kajian. Pendekatan fenomenologi mengkaji pengalaman hidup atau fenomena kehidupan seseorang individu.

### 2. Sampel kajian

Sampel bagi kajian ini terdiri dari mahasiswa dewasa awal yang mempunyai kurang upaya fizikal dan penglihatan. Sampel kajian terdiri daripada mahasiswa universiti awam yang berumur antara 18 tahun hingga 40 tahun. Mereka sedang mengikuti pengajian dalam pelbagai tahap termasuklah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah di universiti awam di Selangor.

Mahasiswa yang dipilih adalah dari kategori individu yang kurang upaya fizikal dan penglihatan. Individu kurang upaya fizikal adalah terdiri dari "*Limb Defect*" iaitu kondisi kehilangan separa / penuh bahagian anggota badan (tangan, kaki, jari kaki dan kaki), "*Spinal Cord Injury*", strok, kerdil, "*Traumatic*

*Brain Injury*”, “*Cerebral Palsy*” dan lain-lain jenis kurang upaya fizikal yang disebabkan oleh penyakit kronik. Individu kurang upaya penglihatan pula terdiri dari individu yang terhad penglihatan di kedua-dua belah mata, buta bagi kedua-dua belah mata atau buta di sebelah mata. Responden yang terlibat sudah mendapat pengesahan dari pakar berkaitan kecacatan yang dimiliki bagi memastikan dapatan kajian yang tepat. Responden yang terlibat juga adalah pemegang aktif kad OKU di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan tujuan (*purposive sampling*). Dalam konteks kajian ini, pensampelan tujuan digunakan kerana tidak semua individu boleh menjadi sampel kajian tetapi hanya individu yang memenuhi kriteria khusus yang ditetapkan pengkaji sahaja boleh menjadi responden. Kriteria khusus adalah (1) mahasiswa di universiti awam di Selangor (2) berumur 18 – 40 tahun (3) OKU kategori fizikal atau penglihatan (4) pemegang aktif kad OKU JKM.

### 3. Kaedah Pengumpulan Data

Berdasarkan kajian yang dijalankan, kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data kajian ialah dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam bersama responden. Senarai nama responden diperolehi daripada pihak pengurusan yang menjaga kebajikan mahasiswa OKU. Pengkaji menghantar surat melalui emel kepada pihak pengurusan bagi meminta kebenaran melakukan temu bual dan bagi mendapatkan butiran perincian mahasiswa OKU fizikal dan penglihatan yang berdaftar di bawah universiti.

Seterusnya, pengkaji menghubungi responden untuk menerangkan dan mempelawa responden bagi menyertai kajian yang sedang dilakukan. Responden dipilih berdasarkan kriteria inklusif yang sudah ditetapkan oleh pengkaji. Pengkaji akan menetapkan tarikh dan masa untuk mengadakan temubual selepas responden bersetuju untuk mengambil bahagian di dalam kajian. Temu bual dijalankan secara atas talian disebabkan wabak COVID-19 yang melanda dan faktor jarak kerana kebanyakan pelajar berada di kampung serta belajar secara atas talian. Sesi temu bual yang dijalankan mengambil masa selama 40 hingga 60 minit.

### 4. Instrumen Kajian

Protokol kajian berbentuk separa berstruktur untuk meneroka pengalaman dan realiti kehidupan responden dengan lebih mendalam. Dalam kajian ini, pengkaji meneroka cabaran yang dilalui, strategi daya tindak yang digunakan dan situasi kehidupan yang sedang mereka lalui yang memberi impak kepada kesejahteraan hidup mereka. Sebanyak 12 soalan separa berstruktur dibina bagi mendapatkan maklumat mengenai isu yang dikaji. Protokol soalan ini telah melalui proses validasi kandungan oleh dua orang pakar dalam bidang psikologi dan kerja sosial. Penambahbaikan ke atas soalan telah dilakukan setelah mendapat komen dan cadangan daripada pakar.

### 5. Analisis Data

Data dianalisis secara analisis tematik untuk mengeluarkan tema-tema mengenai cabaran-cabaran yang dilalui oleh mahasiswa OKU untuk mencapai kesejahteraan hidup. Data yang dikumpul sangat kaya dengan informasi dan telah mencapai tahap ketepuan data. Sub-tema juga telah dapat dihasilkan daripada tema yang dikeluarkan bagi memberi input yang lebih menyeluruh kepada dapatan kajian. Analisis tematik digunakan untuk meneliti naratif, mengenalpasti dan menganalisis maksud daripada kata-kata responden dan kemudiannya disusun mengikut tema (Braun & Clarke, 2006). Ia juga merupakan teknik untuk mengenalpasti dan menyesuaikan data secara menyeluruh daripada sesi temu bual.

### Dapatan Kajian

Kajian ini telah dijalankan di sebuah universiti awam di Selangor. Responden terdiri daripada tiga (3) orang mahasiswa lelaki dan empat (4) responden lagi adalah mahasiswa wanita dengan julat umur antara 21 hingga 32 tahun. Responden juga terdiri daripada mahasiswa di tahap sarjana dan sarjana muda daripada pelbagai fakulti. Seterusnya, bagi jenis OKU, kebanyakan daripada mereka merupakan OKU di bawah kategori fizikal dan dua (2) responden lagi merupakan OKU di bawah kategori penglihatan. Responden juga berasal daripada negeri yang berbeza iaitu dua (2) responden dari Perak, dua (2) responden dari Selangor manakala

selebihnya berasal dari Sarawak, Negeri Sembilan dan Kelantan (Jadual 1).

Jadual 1. Maklumat demografi

<b>Id</b>	<b>Jantina</b>	<b>Umur</b>	<b>Tahap Pendidikan</b>	<b>Jenis OKU</b>	<b>Bidang pengajian</b>
1.	Lelaki	32	Sarjana	OKU Penglihatan	Pendidikan
2.	Lelaki	21	Sarjana Muda	OKU Fizikal	Sains
3.	Perempuan	23	Sarjana Muda	OKU Fizikal	Sains Sosial
4.	Perempuan	23	Sarjana	OKU Penglihatan	Pengajian Islam
5.	Lelaki	28	Sarjana	OKU Fizikal	Sains
6.	Perempuan	27	Sarjana Muda	OKU Fizikal	Pengajian Islam
7.	Perempuan	25	Sarjana Muda	OKU Fizikal	Sains

### 1. Cabaran Mahasiswa OKU

Terdapat tiga (3) tema dikeluarkan untuk menghuraikan cabaran yang dihadapi mahasiswa OKU di kampus, iaitu i) persekitaran tidak mesra OKU, ii) masalah kesihatan dan iii) kurang sokongan sosial. Cabaran utama yang diluahkan oleh mahasiswa OKU ialah dari segi persekitaran yang tidak mesra OKU. Ini telah mendatangkan pelbagai kesukaran kepada mereka. Mereka juga meluahkan pelbagai kekangan kesihatan yang telah membataskan keupayaan mereka untuk menuntut ilmu di alam kampus. Paling dikesali, ramai di kalangan informan juga meluahkan tidak mempunyai sokongan sosial di alam kampus, walaupun mereka sangat mengharapkan sokongan daripada semua. Cabaran-cabaran ini perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan, pentadbir kolej, pensyarah dan rakan sebaya mereka.

#### *Persekitaran tidak mesra OKU*

Responden mengeluh kerana ditempatkan di kolej yang tidak bersesuaian dengan keadaan mereka dan menyebabkan mereka sukar untuk bergerak. Mereka kesal kerana pihak kolej tidak memandang serius keterbatasan fizikal mereka sebagai golongan OKU. Menurut Moriña, Cortés-Vega dan Molina (2015), staf di universiti didapati kurang latihan dan kesediaan di dalam aspek menguruskan pelajar OKU kerana tidak tahu sensitiviti pelajar dan keperluan khas yang diperlukan. Responden 2 dan Responden 5 mengakui menghadapi kesukaran kerana pihak pengurusan meletakkan mereka di kolej yang jauh dari fakulti.

Menurut Responden 5, beliau gembira kerana mendapat penempatan di kolej. Namun, apabila membuat tinjauan berkaitan jarak kolej dan fakulti, responden merasa sedikit kecewa kerana kolej yang ditawarkan jauh jaraknya untuk ke fakultinya. Ketika mengisi borang permohonan, responden ada menyatakan perincian jenis ketidakupayaan yang dimiliki yang sepatutnya diambil cakna oleh pihak pengurusan untuk menempatkan pelajar. Kekangan keupayaan yang dimiliki memberi kesukaran untuk responden bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain, tambahan pergerakannya menggunakan kerusi roda. Walaubagaimanapun, responden membuat permohonan kembali untuk ditukarkan ke kolej yang lebih dekat.

*..dan bila surat tawaran keluar, dia kata kolej yang saya dapat agak jauh la... Bukan la dekat.. jauh.. memang jauh.. lagi pun saya tak boleh naik bas...Jadi saya mintak apa ni jasa baik untuk pihak universiti untuk at least tukarkan kolej apa la kan... (Responden 5)*

Seterusnya, Responden 4 menghadapi tekanan dan kesukaran apabila tidak mendapat penempatan di kolej walaupun terdapat peruntukan untuk pelajar OKU. Ini kerana dengan keadaannya yang mempunyai kesukaran dari aspek penglihatan, mendapat tempat di kolej dapat meminimalkan kesukaran beliau untuk ke kelas dan sebagainya.

*..setiap tahun memang ada masalah untuk pelajar OKU untuk mendapat penempatan di kolej. Walaupun sebenarnya pelajar yang duduk di kolej tak sampai 40 orang pun yang OKU. Sebenarnya, ada beberapa kolej yang mempunyai peruntukan untuk pelajar OKU. Tapi, kadang-kadang, ada masanya kami seolah-olah*

*mengemis untuk duduk di kolej. (Responden 4)*

Responden 4 juga mempunyai kesukaran dari aspek fasiliti yang terdapat di kolej yang tidak diselenggara dengan baik. Responden pernah beberapa kali terjatuh disebabkan keadaan kolej yang tidak dibaiki lampu yang rosak di sepanjang kaki lima.

*Kalau seperti kolej-kolej yang agak gelap ini, saya ada beberapakali saya tersadung. Tempatnya sangat gelap, lampu rosak ke apa.. lambat nak pasang balik. (Responden 4)*

Selain itu, mereka meluahkan rasa kesal kerana ditempatkan di aras yang tinggi, bukannya di aras yang paling bawah dan mereka menghadapi kesukaran untuk menghadiri kelas. Sering kali, kelas mereka berada di aras yang tinggi juga yang menyukarkan mereka untuk menghadiri kelas setiap hari. Pihak pengurusan mungkin tidak meneliti maklumat bakal pelajar sehingga menyebabkan pelajar OKU diletakkan di kolej dan kelas di aras yang tidak sepatutnya dan tidak bersesuaian. Salah seorang responden mengeluh:

*.. contohnya apabila kita nak cepat, apabila kita duduk di tingkat yang ketiga, ia menjadi masalah. Contohnya, kita nak angkat kain, bawak turun kain dan nak pergi sidai kain. Hahahaha. Tergolek. Boom.. (Responden 4)*

Responden 5 juga menyatakan bahawa cabaran yang dilaluinya adalah disebabkan pihak pengurusan di kolej dan pengurusan kampus yang dilihat tidak sistematik dan tidak cakna. Ia disokong oleh dapatan kajian lepas yang menunjukkan cabaran yang diterima oleh pelajar OKU disebabkan oleh sikap staf yang negatif dan tidak mengambil berat tentang keperluan khas mereka. Ini telah memberi impak secara tidak langsung kepada proses pembelajaran mereka (Lopez-Gavira, Moriña & Morgado, 2021).

*Tapi, kadang-kadang, dia bagi kelas tinggi-tinggi. Kita letih juga. Kadang-kadang, saya naik, tak turun sudah. Lepas siap kelas, baru balik. Fuhhhh.. letihhhh...sakitt.. (Responden 6)*

Mahasiswa OKU juga menghadapi kesukaran dengan persekitaran kampus yang berbukit-bukau dan tangga untuk bergerak ke sesuatu tempat. Responden 3 yang juga merupakan OKU fizikal mempunyai kesukaran apabila jalan yang dilalui tidak rata dan boleh menyebabkan kesakitan.

*..sebab kampus ni berbukit-bukit, tangga-tangga apa semua kan.. susah juga sebenarnya nak berjalan kalau jauh-jauh kalau macam ni.. saya nak kata jalan macam mula-mula kena dulu tak, tapi masih la ada rasa lagi.. nak kata ok tak, nak kata tak ok pon tak.. (Responden 3)*

Responden juga menghadapi cabaran daripada aspek fasiliti yang tidak mesra OKU. Mereka menyatakan fasiliti yang disediakan tidak bersesuaian dengan keadaan diri mereka yang mempunyai masalah daripada segi penglihatan dan fizikal. Menurut Shevlin, Kenny dan Mcneela (2004), pelajar OKU sering mempunyai kesukaran untuk merasai kehidupan normal di universiti disebabkan kesukaran untuk akses ke sesuatu tempat kerana fasiliti yang tidak bersesuaian. Fasiliti tidak mesra OKU yang dimaksudkan ialah seperti tiada kemudahan bas khas, tiada penanda (*landmark*) jalan yang bersesuaian, ketiadaan besi longkang, *ramp* dan cerun bersesuaian.

*..kita kata dia lebih kepada orientasi dan fasiliti..cabaran dia macam ni. Bila dekat tempat baru dan tempat tu lapang, tempat yang susah ada landmark. ..Bayangkan dekat satu fakulti tu kita cari bilik tutorial, kadang kadang contoh macam tanda landmark tu.. tak semua tempat ada landmark dia.. kadang tempat tu terlalu luas, susah kita nak cari landmark kalau tempat tu terlalu luas.. (Responden 1)*

*..Mungkin, better kalau ada penunjuk jalan. Kena ada orang yang in-charge untuk bantu jalan. Kalau orang macam saya ni macam mana.. Sebab saya ni selalu juga la kan sesat sebab takde penanda jalan..salah masuk kelas tu biasa. Kita nampak semua sama.. tapi kalau sesat dari fakulti ke fakulti lain tu yang struggle.. (Responden 4)*

Responden 3 dan Responden 5 pula menghadapi kesukaran kerana ketiadaan pengangkutan khas, lif, besi longkang, *ramp* dan cerun yang sepatutnya di tempat- tempat yang sering digunakan seperti fakulti, tempat makan dan pusat pelajar. Bagi mereka yang menggunakan alat bantuan untuk bergerak, ia menjadi keperluan kepada mereka untuk ke sesuatu tempat kerana jika tiada fasiliti itu, mereka tidak dapat ke situ.

*..satu lagi pengangkutan pengangkutan bas ke apa kan.. kalau bas tu, kalau orang macam biasa boleh la naik..tapi kalau macammemang tak boleh berjalan semua tu.. susah sangat nak kana berebut bagai, bersesak dalam tu, kena tolak ke apa. dah la saya berdiri ni pun tak kuat sangat.. betul tak? sepatutnya kene la sediakan van ke apa kan..memang van khusus la untuk budak- budak yang memerlukan macam ni..(Responden 3)*

Disebabkan fasiliti yang tidak mesra OKU, ia menjadi cabaran besar kepada Responden 5 sehingga menyebabkan responden tidak dapat menyertai minggu orientasi seperti orang lain. Ini kerana di kolej kediaman responden, kebanyakan longkang di kolej tidak mempunyai penutup dan dibiarkan terbuka di mana ia sangat berbahaya. Oleh hal yang demikian, bapa responden mengambil keputusan untuk membawanya pulang ke rumah sehinggalah pihak pengurusan menyelesaikan masalah tersebut.

*..bayangkanlah besi longkang pun takda.. longkang tu memang ternganga je kan.. pastu nak naik ke kolej ni, bendul yang macam bendul nak naik ke lobi ke apa ke takda.. at least ada slope ke apa ke yang boleh saya lalu.. ni takda ramp apa semua benda tu takda.. jadinya ayah saya cakap macam saya cakap la.. ayah saya la kan dia cakap dekat kolej dia takkanbalik kalau benda ni tak settle... (Responden 5)*

#### *Masalah kesihatan*

Majoriti daripada responden menghadapi cabaran dari aspek kesihatan iaitu mereka mempunyai masalah kesihatan yang menyebabkan mereka tidak dapat melakukan beberapa pekerjaan atau pergerakan dalam masa yang lama. Ia juga dapat memberi impak buruk kepada kesihatan responden jika terus melakukannya. Ia dibuktikan oleh hasil temubual bersama beberapa orang responden yang mempunyai kesukaran untuk berdiri lama, tidak boleh mengangkat barang yang berat, tidak boleh menulis lama, daya tumpuan yang singkat, sakit belakang dan tidak boleh duduk terlalu lama. Bagi responden 2 dan 6, mereka menghadapi kesukaran untuk berdiri dalam jangka masa yang lama atau untuk bergerak ke tempat lain. Responden 2 dan Responden 3 pula mempunyai kesukaran untuk mengangkat sesuatu yang berat kerana ia memberi impak buruk kepada kestabilan fizikalnya.

*..saya tak boleh nak berdiri lama sangat.. sakit sikit...ye la kaki saya kan macam tak ok sangat kan.. satu lagi saya tak boleh nak angkatbarang yang berat la. Kalau nak pergi kelas dulu, memang fikir la kalaunak bawak banyak. (Responden 2 )*

*...Tak boleh jalan lama. Kadang tu kalau jalan dengan family, saya cakap la kalau tak tahan sangat. Kadang-kadang tak sampai 2-3 kedai, dah ajak balik. Tak boleh pergi. Kadang-kadang, saya duduk, saya suruh emak urut. Saya rasa seperti nak explore lebih, tapi tak boleh. (Responden 6)*

Cabaran dari aspek kesihatan juga didapati merupakan salah satu kesukaran yang dilaporkan oleh responden 3. Responden ini menghadapi penyakit Rheumatoid Arthritis iaitu penyakit yang menyerang sendi-sendi di mana- mana bahagian tubuh badan yang menyebabkan responden tidak dapat meluruskan tangan dan melakukan aktiviti berlebihan yang melibatkan tangan seperti mengangkat berat. Ia akan memberi impak kepada kesihatan dan mendatangkan kesakitan jika dipaksa untuk melakukan.

*..macam nak angkat barang barang pun, tak boleh berat sangat..tapi time tu..macamana nak cakap, kurus sangat sangat time tu..pastu muka pun pucat.. (Responden 3)*

Manakala bagi Responden 3, Responden 4, Responden 6 dan Responden 7, mereka mempunyai kesukaran kesihatan yang melibatkan proses pembelajaran di dalam kelas. Responden 4 dan 6 mempunyai

kesukaran untuk menulis dan fokus terlalu lama. Ini kerana sebagai seorang pelajar di universiti, kebiasaannya kelas berlangsung selama 2 jam dan ke atas. Responden juga sering menghadapi cabaran disebabkan sakit belakang dan sakit pinggang kerana duduk terlalu lama atau proses pembelajaran diadakan dalam makmal.

*..macam kalau exam ni, berat jugak.. ada subjek yang perlukan kita kena tulis.. banyak menulis.. nak menulis lama pun, orang kata tak larat sangat kan...sebab bahagian pergelangan tangan ni tak kuat sangat waktu tu. Cabaran dia kat situ la.. (Responden 3)*

*..Untuk online, masalahnya ialah saya tidak boleh fokus kepada kelas terlampau lama. Itu merupakan satu masalah bagi saya. Kalau dalam kelas biasa pon susah nk tenung lama-lama kat depan. Sebab macam kena fokus lebih kat satu tempat.. dah la nak tengok biasa-biasani pun struggle nak fokus, inikan kelas 2 3 jam.. (Responden 4)*

Seperti yang dinyatakan oleh Responden 6, beliau mempunyai kesukaran untuk duduk di sesuatu posisi untuk masa yang lama disebabkan faktor kesihatan dari aspek tulang belakang. Kesukaran ini bukan sahaja menjadi cabaran untuk melakukan aktiviti rutin, malahan menyebabkan kesukaran untuk duduk di dalam kelas terlalu lama sehingga fokusnya sering terganggu. Kerana kekangan kesihatan ini, beliau sentiasa bersedia dengan ubat tahan sakit.

*..Saya tak boleh duduk lama.. Saya kena makan ubat. Tapi masatu jadi hilang fokus. Lepas itu, masa saya tak paham, saya bangunsekejap. Begitu sahaja. Pandai-pandai lah. (Responden 6)*

*..Kadang-kadang tu kalau buat kerja, ada la jugak rasa sakit pinggang. Sebab kaki pendek. Ain kan pendek sebelah.. kadang-kadang kelas dalam makmal, kena buat apa-apa tu la.. (Responden 7)*

Berdasarkan hasil temubual juga, pengkaji mendapati Responden 7 menghadapi kesukaran apabila tidak menggunakan alat bantuan. Responden 7 adakalanya tidak menggunakan alat bantuan disebabkan tempat yang tidak bersesuaian iaitu pemakaian tapak tinggi khas kasut sepanjang masa seperti di rumah dan bilik.

*..akan jadi sakit pinggang. Lepas itu, doktor pernah beritahu, dia kata "Kalau awak tak pakai kasut, kena sclerosis". Yang tulang bengkok. Ain pakai yang tapak itu sahaja dekat luar la. Nak pergi luar atau sebagainya. Sebab tapak itu sesuai dengan yang itu sahaja. Kalau di dalam rumah, susah sikit. Tak ada bantuan. Tak kan nak pakai kasut dalam rumah.. sebab tapak tu kan pakai sekali kasut. (Responden 7)*

#### *Kurang sokongan sosial*

Responden 1 dan Responden 4 menghadapi cabaran disebabkan kawan-kawan tidak kisah dan tidak faham situasi dan keperluan mereka. Persekitaran sosial dan budaya responden tidak memberi galakan dan cakna keperluan rakan OKU yang lain ketika berada di kolej mahupun kampus. Menurut Butler et al. (2017), pelajar yang mempunyai kecacatan penglihatan seringkali mempunyai kesukaran untuk mendapat akses pembelajaran berkaitan grafik dan mengambil masa yang lama untuk memahaminya kerana limitasi penglihatan. Mahasiswa OKU kadangkala memerlukan bantuan orang lain dalam perkara yang tidak dapat dilakukan. Walaubagaimanapun, hanya segelintir rakan yang sudi membantu.

*..jujur kata dia hanya ada segelintir sahaja yang betul betul membantu, yang selebihnya tolong mungkin bila waktu group workjee..lagipun bila membantu, bila masa tertentu la..kadang kadang kebanyakan masa kita akan diabaikan sebab mereka nak kejar..ada orang mereka nak kejar pointer, jadi kadang kadang diabaikan..ada orang dia lebih bersosial dengan kawan kawan lain, jadi kita pun diabaikan... (Responden 1)*

Justeru, apabila mereka kurang dibantu dan disokong, ini akan menyukarkan mereka kerana limitasi keupayaan pelajar OKU. Mereka meluahkan, tidak ramai yang hadir menghulurkan bantuan apabila diperlukan, mungkin kerana kesibukan semua dalam mengejar tarikh penghantaran tugas dan projek

berkumpulan. Responden yang ditemu bual kebanyakannya meluahkan rasa terabai semasa berada dalam kelas dan aktiviti berkumpul. Ia sedikit sebanyak menjejaskan motivasi mereka untuk cemerlang dalam bidang pengajian.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, mahasiswa OKU yang ditemu bual telah menyuarakan tiga aspek utama cabaran yang telah memberi kesan kepada kesejahteraan hidup mereka. Cabaran-cabaran ini sangat signifikan kepada kehidupan mereka dan boleh menjejaskan kualiti hidup mereka. Ia perlu diberikan perhatian oleh semua, terutamanya pihak pengurusan. Polisi yang relevan harus dirangka untuk memberi penekanan kepada aspek kebajikan dan kesihatan mahasiswa OKU. Kesejahteraan mereka harus sentiasa dipantau supaya mereka juga berjaya melalui kehidupan kampus dengan sihat dan berkualiti seperti mahasiswa normal yang lain. Persatuan dan kelab berkaitan kebajikan dan kesukarelawan (seperti Kelab Penyayang, Kelab Sukarelawan) harus dirancarkan bagi menghulurkan sokongan dan bantuan kepada mahasiswa OKU di universiti-universiti awam dan swasta. Kemudahan-kemudahan di kolej dan fakulti harus ditambahbaik supaya mesra OKU dan tidak menjadi halangan kepada pergerakan mereka. Dasar inklusif OKU perlu dihayati dan dipraktikkan di semua peringkat supaya ia betul-betul dapat membantu mahasiswa OKU mencapai kualiti hidup yang baik dan menikmati hidup yang selamat.

**Penghargaan:** Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM dan Sekretariat Siswazah atas bantuan dan sokongan semasa proses pengumpulan data dan penulisan tesis. Terima kasih juga kepada responden yang sudi bekerjasama dan memberi persetujuan untuk ditemubual. Begitu juga penyelia yang sentiasa membimbing sepanjang proses penulisan dan kajian.

### **Rujukan**

- Aizan Sofia, A., Fauziah, I., Noordeyana, T., Jamiah, M. & Norulhuda, S. (2018). Halangan kepada pendidikan dan latihan bagi wanita kurang upaya fizikal di Malaysia. *e-Bangi Journal*, 12(3), 1–11.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Butler, M., Holloway, L., Marriott, K. & Goncu, C. (2017). Understanding the graphical challenges faced by vision-impaired students in Australian universities. *Higher Education Research and Development*, 36(1), 59–72.
- Clouder, L., Adefila, A., Jackson, C., Opie, J. & Odedra, S. (2016). The discourse of disability in higher education: insights from a health and social care perspective. *International Journal of Educational Research*, 79, 10-20.
- Firat, T. (2021). Experiences of students with visual impairments in higher education: barriers and facilitators. *British Journal of Special Education*, 48(3), 301–322.
- Francis, G. L., Duke, J. M., Fujita, M. & Sutton, J. C. (2019). “It’s a constant fight:” experiences of college students with disabilities. *Journal of Postsecondary Education and Disability*, 32(3), 247–262.
- Grimes, S., Southgate, E., Scevak, J. & Buchanan, R. (2019). University student perspectives on institutional non-disclosure of disability and learning challenges: reasons for staying invisible. *International Journal of Inclusive Education*, 23(6), 639–655.
- Haegle, J. A. & Zhu, X. (2017). Experiences of individuals with visual impairments in integrated physical education: a retrospective study. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 88(4), 425–435.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021, Ogos, 5). *Orang kurang upaya*. Portal Jabatan Kebajikan Masyarakat. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/submenu&id=QWFkTUtUU2s0T0tKWDhUcHd3YmdVZz09>
- Lopez-Gavira, R., Morña, A., & Morgado, B. (2021). Challenges to inclusive education at the university: The perspective of students and disability support service staff. *Innovation: The European Journal of Social Sciences*, 34(3), 292–304.

- Lourens, H. & Swartz, L. (2016). 'It's better if someone can see me for who I am': Stories of (in)visibility for students with a visual impairment within South African Universities. *Disability and Society*, 31(2), 210–222.
- Moriña, A., Cortés-Vega, M. D. & Molina, V. M. (2015). Faculty training: An unavoidable requirement for approaching more inclusive university classrooms. *Teaching in Higher Education*, 20(8), 795–806.
- Muhamad Nadhir, A. N., & Alfa Nur Aini. E. E. (2016). Special education for children with disabilities in Malaysia: Progress and obstacles. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 78-87.
- Shevlin, M., Kenny, M. & Mcneela, E. (2004). Participation in higher education for students with disabilities: An Irish perspective. *Disability and Society*, 19(1), 15–30.
- Strnadová, I., Hájková, V. & Květoňová, L. (2015). Voices of university students with disabilities: Inclusive education on the tertiary level-A reality or a distant dream?. *International Journal of Inclusive Education* 19(10), 1080–1095.
- Thomas, G. (2017). *How to do your research project: A guide for students* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Tshuma, C., Ntombela, N. & Mabvurira, V. (2021). Challenges and coping strategies of visually impaired adults in Zeerust, South Africa. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 18(5), 53-65.
- Ule, M. (2017). Identity challenges and social experiences of higher education students with disabilities in Slovenia. *Disability and Society*, 32(10), 1592-1607.
- UNICEF. (2021, November 15). *The world's nearly 240 million children living with disabilities are being denied basic rights*. <http://www.unicef.org/kosovoprogramme/press-releases/worlds-nearly-240-million-children-living-disabilities-are-being-denied-basic-rights>
- World Health Organization. (2011, August 20). *World Report on Disability 2011*. <https://www.who.int/publications/i/item/9789241564182>
- World Health Organization. (2014, August 20). *Disabilities and Rehabilitation*. <https://www.who.int/westernpacific/about/how-we-work/programmes/disabilities-and-rehabilitation>